

29 AUG 1998

Najib - Perpustakaan

PERPUSTAKAAN DESA DI SETIAP MUKIM PADA TAHUN 2010

KUALA PILAH, 29 Ogos (Bernama) -- Kementerian Pendidikan berharap mewujudkan perpustakaan desa di setiap mukim menjelang tahun 2010 untuk menyemai minat membaca di kalangan rakyat, kata menterinya Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini.

Sehingga kini sebanyak 156 mukim di seluruh negara telah dilengkapi dengan perpustakaan desa, katanya.

Bagaimanapun kejayaan penubuhan perpustakaan desa akan juga bergantung kepada peranan dan sumbangan kewangan sektor swasta, katanya kepada pemberita selepas merasmikan Perpustakaan Desa Kampung Talang di sini.

Katanya, sebanyak RM14.4 juta diperuntukkan untuk perpustakaan desa dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Najib berkata kadar celik huruf di negara ini tinggi iaitu sebanyak 93 peratus, berbanding kebanyakan negara membangun, tetapi ia masih boleh dipertingkatkan.

Terdahulu semasa berucap pada majlis pameran produk ekonomi di Kolej Tuanku Ja'afar di Mantin, Najib berkata kerajaan perlu memastikan kewangan negara kukuh untuk menjana pertumbuhan ekonomi.

Oleh itu, Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) mencadangkan agar sistem kewangan diberikan suntikan untuk membolehkan syarikat-syarikat menjalankan urusan seperti sedia kala, katanya.

Ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Umno berminat mengembangkan sayapnya ke Sarawak, Najib yang juga Naib Presiden Umno berkata Umno sebagai parti kebangsaan bersedia untuk berada di setiap negeri, bagi mengukuhkan kerjasama antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat.

-- BERNAMA

AZ RI